

## IMAN DAN MANUSIA

Kalimah ke Dua Puluh Tiga (Kalimah ini mengandungi dua bab)

### Bab Pertama

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Firman Allah swt:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَفْوِيهٍ (4) ثُمَّ رَدَّنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ (5) إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَأُنْهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ (6)

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.

(at-Tin: 4-6)

Berikutnya kita akan menerangkan lima noktah daripada ribuan noktah yang ada berhubung dengan keindahan iman.

#### Noktah Pertama

Dengan cahaya iman, manusia akan mencapai darjat yang paling tinggi di antara yang tertinggi dan dengan ini dia telah melayakkan dirinya untuk masuk ke dalam syurga. Sebaliknya, kegelapan kekufturan menjatuhkan manusia ke peringkat yang paling rendah dan hina, sehingga dia layak sekali masuk ke dalam neraka jahannam. Iman menghubungkan manusia dengan penciptanya Yang Maha Agung dengan ikatan yang teguh. Dengan keimanan, manusia mencapai martabat yang tertinggi melalui penjelmaan seni Ilahi dan ukiran al-Asma' al-Husna pada dirinya. Manakala kekufturan memutuskan hubungan suci ini sehingga seni ciptaan Allah yang ada pada manusia tadi menjadi kabur dan tersembunyi. Dengan demikian, nilai manusia tadi akan jatuh ke tahap nilai materialnya sahaja, sedangkan pada hakikatnya material yang terdapat dalam diri manusia itu langsung tidak mempunyai nilai, kerana ia akan binasa, hilang dan kehidupannya adalah kehidupan kehaiwanan yang sementara. Kita akan cuba menerangkan rahsia ini melalui satu perbandingan:

Bagi sesuatu hasil seni, nilai bahan yang terkandung di dalamnya adalah berbeza dari nilainya yang sebenar. Kadang-kala kedua-duanya kelihatan sama dan kadang-kala hasil seni tadi nampak lebih berharga dari bahan yang ada padanya. Namun begitu, dalam banyak hal, sesuatu hasil seni biasanya berharga berjuta-juta ringgit sedangkan bahan yang digunakan untuk menghasilkannya hanyalah bernilai beberapa puluh ringgit sahaja. Apabila hasil seni ini dibawa ke balai seni, maka ia pun akan dijual atas nilainya yang sebenar setelah dipamerkan dengan nama karyawan yang masyhur dan mahir yang menghasilkannya dinyatakan. Sebaliknya jika hasil seni itu dibawa ke kedai besi buruk, ia akan dinilai atau dijual atas nilai bahan besi yang terkandung di dalamnya sahaja dan mungkin tidak ada orang yang ingin membelinya.

Begitu juga halnya dengan manusia. Manusia adalah hasil seni Allah Yang Maha Kuasa yang menakjubkan. Dia adalah jelmaan mukjizat kudratNya yang paling tinggi dan halus. Allah menciptakannya untuk mempamerkan keseluruhan jelmaan al-Asma' al-Husna sebagai paksi bagi ukuran jelmaanNya yang indah. Allah juga menjadikannya sebagai satu mini model bagi alam sejagat ini. Jika seseorang itu disinari dengan cahaya iman yang mantap, segala jelmaan seni ukiran Ilahi kelihatan jelas pada dirinya, bahkan dapat dibaca oleh orang lain. Jelmaan ini dibaca oleh

seorang yang beriman dengan penuh kesedaran dan menjadikan orang lain turut dapat membacanya. Seolah-olah manusia yang beriman itu berkata “saya adalah ciptaan dan rekaan tuhan Yang Maha Mencipta. Lihatlah bagaimana terjelma pada diri saya rahmat dan kemurahanNya.” Dengan ini iman yang menghubungkan makhluk dengan penciptanya menjelaskan segala hasil seni yang wujud di dalam dirinya. Oleh itu, nilai manusia ditentukan mengikut kadar kezahiran dan jelmaan rekaan Ilahi pada dirinya. Maka manusia yang pada mulanya tidak mempunyai apa-apa nilai itu bertukar menjadi makhluk yang mempunyai martabat yang paling tinggi sehingga membolehkannya untuk menerima sapaan Ilahi dan mendapat kemuliaan yang melayakkannya untuk menjadi tetamu Allah di dalam syurga.

Manakala jika kekufuran -yang memutuskan hubungan seseorang dengan Allah- menyelinap masuk ke dalam diri manusia, ia akan menjatuhkan segala pengertian jelmaan al-Asma’ al-Husna ke dalam kegelapan dan memadamnya sama sekali sehingga tidak lagi dapat dilihat dan dibaca. Ini kerana kita tidak akan dapat memahami segala ukiran maknawi yang menunjukkan kepada Allah Yang Maha Mencipta dengan kita melupakan Allah itu sendiri. Bahkan jika kita melupakanNya, ini bererti kita telah membelakangkanNya. Di samping itu, kebanyakan tanda-tanda jelmaan ciptaan dan ukiranNya yang berharga dan indah akan pupus dan hilang. Jika adapun tanda-tanda tersebut yang masih tinggal, maka kita hanya akan menghubungkannya dengan sebab-sebab yang remeh seperti ‘semulajadi’, ‘kebetulan’ dan sebagainya. Ini akan menyebabkan segala hakikat yang merupakan permata yang berkilauan itu bertukar menjadi kaca hitam yang gelap. Ketika itu, nilainya hanya pada bahan buatannya sahaja. Sebagaimana kami telah jelaskan bahawa matlamat dan natijah fizikal manusia hanyalah untuk menghabiskan kehidupan singkat yang dimiliki oleh tuannya, iaitu makhluk yang paling lemah, berhajat dan berdukacita. Kemudian akhirnya fizikal manusia itu akan rosak dan binasa... Demikianlah bagaimana kekufuran meruntuhkan hakikat kemanusiaan dan menukarnya daripada seketul permata yang berharga kepada seketul arang yang langsung tidak bernilai.

#### Noktah Kedua:

Sebagaimana iman adalah cahaya yang menyinarkan manusia dan memperlihatkan segala tulisan-tulisan Ilahi yang tertulis di atasnya serta menyebabkan orang lain dapat membacanya, ia juga memberi sinaran kepada seluruh alam ini. Iman juga menyelamatkan manusia daripada pemikiran negatif terhadap kurun yang telah berlalu dan yang akan datang daripada kegelapan yang mencengkam.

Kami akan menjelaskan rahsia ini dengan membuat satu perumpamaan, berdasarkan kepada salah satu rahsia ayat berikut:

Firman Allah swt:

اللهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُمْ مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

*Maksudnya: “Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman).” (al-Baqarah: 257)*

Dalam satu imiginasi, saya melihat dua buah gunung yang amat tinggi. Kedudukan kedua-duanya saling berhadapan. Kedua-dua puncak gunung tersebut dihubungkan dengan satu jambatan yang hebat dan menakjubkan. Di bawah jambatan tersebut terdapat gaung yang amat dalam dan gelap. Saya pula sedang berdiri di atas jambatan itu. Ketika itu, dunia diselubungi oleh kegelapan dari segenap penjuru. Hampir tidak kelihatan apa-apa. Saya menoleh ke sebelah kanan, lalu saya nampak sebuah tanah perkuburan yang besar di sebalik kegelapan yang tidak berpenghujung itu. Demikianlah saya menggambarkannya. Kemudian saya melihat pula ke sebelah kiri. Seolah-olah

saya nampak gelombang ombak kegelapan sedang mengganas dan membawa bersama-samanya segala bencana dan tragedi serta bersiap sedia untuk menerkam. Saya melihat pula ke bawah jambatan. Tergambar pada pandangan mata saya sebuah gaung yang amat dalam seolah-olah tidak mempunyai dasar. Saya pula hanya mempunyai sebuah lampu suluh malap yang berada pada genggaman tangan saya berhadapan dengan segala kegelapan yang menakutkan itu. Saya menyalakan lampu itu, lalu ternampaklah kepada saya keadaan yang lebih menyeramkan. Saya ternampak singa, binatang buas dan hantu sedang berkeliaran di setiap penjuru hingga di hujung dan di tepian jambatan. Lalu saya berkata kepada diri saya “alangkah baiknya jika saya tidak mempunyai lampu suluh tersebut yang memperlihatkan kepada saya segala makhluk yang menakutkan itu.” Setiap kali saya menghalakan lampu saya ke mana-mana arah, saya akan ternampak keadaan yang sama. Saya menyesal dan berkata kepada diri saya: “Lampu ini membawa musibah dan bencana kepada saya.” Lantaran kerana terlalu marah, saya campakkan lampu itu ke tanah dan ia pecah. Tiba-tiba keadaan menjadi terang benderang, seolah-olah lampu yang saya campakkan itu terkena suiz lampu elektrik besar yang berkuasa tinggi sehingga dapat menerangi seluruh alam dan menghilangkan kegelapan. Setiap penjuru dan tempat menjadi terang dengan cahaya tersebut. Semuanya dapat dilihat dengan jelas dan terang sebagaimana keadaan sebenarnya. Lalu saya dapat jambatan yang tergantung di antara dua puncak gunung yang tinggi itu sebenarnya hanyalah sebuah jalan yang lurus dan landai. Tanah perkuburan besar yang saya nampak berada di sebelah kanan saya pula sebenarnya hanyalah majlis-majlis zikir, tahlil, ilmu dan ibadat yang dipandu oleh beberapa orang yang alim di dalam taman-taman hijau yang cantik yang menyebarkan kebahagiaan serta cahaya ke dalam hati. Manakala gaung yang dalam serta kejadian kemalangan yang saya lihat di sebelah kiri saya sebenarnya hanyalah bukit-bukit yang mempunyai pohon-pohon menghijau yang menyenangkan dan menyedapkan mata memandang. Di bahagian belakangnya, terdapat tempat persinggahan yang hebat, padang ragut yang menghijau dan taman yang indah... Ya, demikianlah apa yang saya dapat lihat melalui imiginasi saya. Manakala binatang-binatang buas dan makhluk-makhluk menakutkan yang saya saksikan itu sebenarnya hanyalah binatang-binatang jinak seperti unta, lembu, bebiri dan kambing. Ketika itu, saya membaca firman Allah swt:

اللهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُمْ مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

*Maksudnya: “Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman).” (al-Baqarah: 257)*

Saya mula mengulang-ulangi: Segala puji bagi Allah terhadap cahaya keimanan yang dilimpahkan kepada saya.

Kemudian saya tersedar daripada imiginasi tersebut.

Yang dimaksudkan dengan dua buah gunung yang besar itu ialah permulaan kehidupan ini dan pengakhirannya, iaitu alam dunia ini dan alam barzakh... Jambatan yang terbentang itu pula ialah jalan kehidupan... Sebelah kanan saya pula ialah masa yang telah berlalu dan sebelah kiri saya pula ialah masa akan datang. Manakala lampu suluh pula ialah perasaan keegoan manusia yang berbangga-bangga dengan ilmu yang ada pada dirinya dan tidak mahu mendengar wahyu dari langit... Manakala hantu-hantu dan lembaga-lembaga serta binatang-binatang yang menakutkan itu ialah kejadian-kejadian menakjubkan yang berlaku di dalam alam ini.

Seseorang yang bergantung kepada keegoan dan keangkuhannya, terjatuh ke lembah kegelapan kealpaan dan diuji dengan pelbagai belenggu kesesatan yang mengelirukan, dia menyerupai keadaan saya yang pertama sebagaimana saya gambarkan melalui imiginasi tersebut. Dia melihat zaman lampaunya dengan menggunakan cahaya lampu suluh yang malap itu sebagai sebuah perkuburan besar yang berada di dalam kegelapan ‘ketiadaan’. Ini adalah gambaran tidak benar dan menyeleweng serta menyesatkan. Dia juga menggambarkan masa depannya sebagai sebuah tempat terpencil yang sentiasa diselubungi dengan pelbagai bencana dan tragedi yang dikatakan berpunc

dari pada ‘kebetulan’. Dia juga melihat segala kejadian dan benda yang wujud di atas dunia ini -yang semuanya dijadikan oleh Allah mempunyai tugas-tugas tertentu- seolah-olah sebagai binatang-binatang buas yang menganas. Maka dia berhak mendapat ketetapan yang ditentukan oleh ayat berikut, firman Allah swt:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أُولَئِكُمُ الظَّاغُونُ يُخْرَجُونَهُمْ مِنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ

*Maksudnya: “Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur).”  
(al-Baqarah: 257)*

Tetapi jika manusia dibantu oleh hidayah Ilahi, iman dapat menyelinap memasuki hatinya, kebejatan dirinya dihancurkan dan dia mendengar serta memberikan perhatian kepada kitab Allah, maka dia menyamai keadaan saya yang kedua dalam peristiwa yang saya imaginaskan itu. Dengan itu, segala yang wujud mendapat sinaran cahaya dan dipenuhi dengan nur Ilahi. Alam seluruhnya berkata:

اللهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

*Maksudnya: “Allah yang menerangi langit dan bumi.” (al-Nur: 35)*

Ketika itu, zaman yang telah berlalu tidak lagi merupakan sebuah tanah perkuburan besar sebagaimana yang disangkakan. Bahkan seluruh zamannya sebagaimana disaksikan oleh pandangan hati yang suci adalah dipenuhi dengan pelbagai tugas ubudiyyah di bawah pimpinan seorang nabi yang diutuskan atau sekumpulan para wali yang salih. Pimpinan itu mengatur tugas ubudiyyah yang mulia itu serta menyebarkan dan meneguhkan paksinya di kalangan seluruh ummat Islam dalam bentuknya yang paling sempurna. Setelah kumpulan ini yang mempunyai ruh suci menunaikan segala tugas kehidupan dan kewajipan fitrahnya, mereka terbang menuju ke maqam yang tinggi dan mulia sambil menyebut berulang-ulang “Allah maha besar” (Allahu Akbar) hingga menembusi hijab masa hadapan.

Ketika berpaling ke arah kiri, dari jauh kelihatan melalui pandangan nur keimanan bahawa di sebalik kejadian-kejadian di dalam alam barzakh dan di akhirat yang sebesar gunung yang tinggi terdapat beberapa istana kebahagian syurga. Di dalam istana-istana itu dibentangkan rumah-rumah tetamu Allah yang tidak kelihatan di mana permulaan dan di mana penghujungnya. Setelah melihat semua ini, dia meyakini bahawa segala bencana alam seperti puting beliung, gempa bumi, taun dan sebagainya hanyalah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diperintahkan kepadanya sahaja. Maka dia melihat angin yang bertiup kencang pada musim bunga, hujan ribut yang turun dan seumpamanya yang pada zahirnya kelihatan seperti kejadian yang mengundang dukacita dan kesedihan, pada hakikatnya adalah paksi hikmat yang maha halus. Hinggakan kematian dianggap sebagai mukadimah bagi menempuh kehidupan yang abadi dan kubur dilihat sebagai pintu kebahagiaan yang kekal abadi... Gunakanlah perumpamaan ini terhadap realiti kehidupan yang lain!

### NOKTAH KETIGA

Iman adalah cahaya dan juga kekuatan. Ya !, orang yang memiliki iman yang sebenarnya mampu mencabar seluruh alam sejagat ini dan berupaya menghadapi segala cabaran yang menimpanya bersandarkan kekuatan iman yang ada padanya. Dia mengharungi arus kehidupan serta menghadapi segala gelombang bencana besar yang menimpanya dengan aman dan selamat seraya berkata: “Saya bertawakkal kepada Allah”. Dengan itu, dia menyerah dan mengamanahkan bebanan yang berat kepada kekuasaan Allah Yang Maha Berkuasa. Dengan cara ini, dia menjalani kehidupan dunia dengan rasa selesa, kemudian berehat di alam barzakh dan seterusnya mampu terbang ke syurga untuk menikmati kebahagiaan yang kekal abadi.

Jika sebaliknya dia tidak bertawakkal kepada Allah, bukan sahaja dia tidak akan mampu untuk terbang ke syurga, bahkan bebanan berat yang dipikulnya itu akan mengheretnya ke darjat yang rendah, serendah rendahnya.

Ini bermakna iman membawa kepada tauhid (pengesaan Allah). Tauhid membawa kepada taslim (penyerahan diri kepada Allah). Taslim merealisasikan tawakkal dan tawakkal kepada Allah mempermudahkan jalan untuk mendapat kebahagiaan kehidupan di dunia dan di akhirat.

Janganlah anda menyangka tawakkal kepada Allah bermaksud menolak sebab dan musabab sama sekali. Tetapi tawakkal ialah bahawa kita tahu dan sedar sebab- musabab itu merupakan hijab yang berada di tangan Allah Yang Maha Berkuasa yang mesti dipenuhi. Dia juga sepatutnya mengetahui bahawa berusaha untuk merealisasikan sebab dan musabab ini umpsama satu doa yang positif dengan keyakinan bahawa Allah lah yang menjadi penentu utama segala sesuatu dan hanya Dialah yang mesti disyukuri.

Kita boleh memahami kedudukan orang yang bertawakkal kepada Allah dan kedudukan orang yang tidak bertawakkal kepadaNya melalui perbandingan dua orang sahabat dalam cerita berikut:

Setelah membeli tiket, dua orang lelaki yang sedang memikul bebanan berat di atas kepala dan belakang mereka menaiki sebuah kapal. Sebaik sahaja mereka menaiki kapal tersebut, salah seorang daripadanya meletakkan barang yang dipikulnya di atas lantai kapal dan terus duduk di atas baranganya lalu mengawalnya. Manakala rakannya yang bodoh dan degil tidak mahu meletakkan barang yang dipikulnya. Apabila dia diberitahu: “Letakkan barang saudara agar saudara merasa selesa”, dia menjawab: “Tidak! Saya takut barang saya ini mungkin hilang nanti. Saya cukup kuat untuk terus memikulnya di atas kepala dan belakang saya.” Dia diberitahu lagi: “Kapal di Raja yang membawa saudara dan kita semua ini dijamin lebih kuat dan lebih mampu menanggung barang saudara itu daripada kita semua. Saudara mungkin akan kehilangan tenaga, merasa pening dan mungkin akan terjatuh ke dalam laut bersama-sama barang itu. Kepala saudara yang tidak berakal dan tulang belakang saudara yang bengkok tidak akan mampu memikul bebanan barang yang kian berat setiap detik ini. Lagipun jika nakhoda kapal ini melihat saudara dalam keadaan begini, dia akan menyangka bahawa saudara orang yang tidak siuman dan akan menyingsirkan saudara daripada kapal ini, atau pun dia menyangka saudara sedang mencemuh kapal ini dan memperolok-olokkannya, lalu dia berkata: “Penjarakan dia!” Dengan itu, saudara akan memperbodohkan diri saudara sendiri di khalayak ramai. Bagi yang dapat memahami, mereka dapat melihat kelemahan saudara melalui sifat keangkuhan, kerendahan dan kemunafikan melalui kepura-puraan saudara. Kesemua sikap saudara ini telah menyebabkan saudara menjadi bahan yang ditertawakan oleh orang ramai. Tidakkah saudara nampak mereka sekarang sedang mentertawa dan menjatuhkan maruah saudara?”

Kemudian, setelah mendengar kata-kata yang panjang lebar ini, orang yang malang itu sedar akan kesalahannya. Dia pun meletakkan baranganya dan duduk di atasnya. Dia berkata kepada rakannya: “Semoga Allah memberkati saudara. Saudara telah menyelamatkan saya daripada kesengsaraan, kehinaan, dari dipenjarakan dan dari diperbodohkan. Saya juga telah diselamatkan dari menjadi bahan yang ditertawakan.”

Wahai manusia yang tidak mahu bertawakkal kepada Allah! Sedarlah dan kembalilah kepada kewarasan saudara sebagaimana yang berlaku kepada orang kedua itu. Dengan cara ini sahajalah saudara akan bebas daripada mengemis daripada makhluk. Saudara juga akan terselamat daripada perasaan ketakutan dan kegerunan ketika berhadapan dengan segala peristiwa yang menakutkan. Saudara juga akan terselamat daripada perasaan riyak dan diperbodohkan. Lebih dari itu, saudara

juga akan terselamat daripada kecelakaan abadi dan segala belenggu kesempitan kehidupan di dunia ini.

..... Bersambung.....

Terjemahan Kalimah Kedua Puluh Tiga dari kitab al-Kalimat karangan Badi'uzzaman Sa'id al-Nursi oleh:

Ustaz Anuar Fakhri Omar  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia